

Tumpukan pembangunan ekonomi

Hentikan spekulasi: PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad** meminta rakyat **menumpukan perhatian bagi memajukan Malaysia**, daripada membuat spekulasi mengenai hal-hal yang tidak perlu atau mendenqar khabar-khabar angin.

Katanya, **banyak lagi usaha** perlu dilakukan untuk **menjadikan** Malaysia sebuah **tempat tinggal** yang lebih baik walaupun kemajuan pesat dicapai sejak tiga dekad lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang terus pulih setelah menjalani pembedahan pintasan koronori, berkata beliau **sangat gembira** denaan Pemulihan ekonomi Malaysia.

Dalam temuramah eksklusif dengan Pengarang Kumpulan sebelum berlepas untuk bercuti tiga minggu di luar negara malam tadi, Perdana Menteri berkata: "Setiap rakyat yang cintakan tanahair harus berbangga dengan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik negara ini".

Merening

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia yang **setia** sekali **lagi** membuktikan kepada peramal-peramal bahawa ramalan mereka kononnya huru-hara politik dan keruntuhan ekonomi bakal menimpa negara ini, adalah jahat dan palsu.

Bagaimanapun, katanya, adalah menyedihkan masih ada rakyat yang percaya kepada ramalan-ramalan itu. Malah, sesetengah daripada mereka turut sama mengutuk negara sendiri di dalam dan luar negara.

Perdana Menteri berkata, kini setelah pemulihan ekonomi semakin pesat, setiap rakyat Malaysia, **tanpa** mengira seseorang itu ahli politik, kakitangan awam, usahawan, pekerja kilang atau pekerja sendiri, hendaklah berusaha lebih gigih untuk mengambil kesempatan suasana ekonomi yang **bertambah baik**.

"Kita semua mestilah bersedia untuk membuat pengorbanan sekarang **bagi** masa depan yang lebih baik," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau mem-

Oleh **A KADIR JASIN**

punyai **banyak** masa untuk berfikir dan merenung ketika berehat selepas pembedahan.

"Antara perkara yang pertama datang ke fikiran saya ialah bagaimana bernasib baiknya saya, dan kita semua, menjadi rakyat Malaysia. Di kebanyakan negara membangun, seseorang yang mempunyai penyakit seperti saya terpaksa diterbangkan beribu batu ke sebuah hospital asing untuk dirawat.

"Tetapi di negara kita hari ini, pembedahan pintasan koronori adalah prosedur pembedahan yang biasa sehinggalah doktor dan juruteknik kita melakukannya dengan yakin dan mahir tanpa heboh-heboh," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau juga terfikir bahawa **banyak** perkara yang boleh Malaysia lakukan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi lebih pesat. Jika rakyatnya **sanggup mengeneipkan** sikap suka mengkritik membuta-tuli dan berganding bahu bekerja serta memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan dan komitmen.

Menurutnya, beliau lebih rela dikritik atau dikecam kerana melakukan perkara-perkara, yang beliau fikirkan baik bagi negara dan rakyat pada jangka panjang, daripada dipuji dan disayangi kerana melakukan hanya perkara yang popular.

"Kita dikecam dan dikritik di dalam dan luar negara lama selepas kita memulakan projek kereta nasional. Tetapi sekarang setelah Proton Saga mendapat sambutan baik, sehinggalah memenangi anugerah antarabangsa, sangat sedikit orang yang mahu mengucapkan tahniah kepada mereka yang bekerja dengan sabar untuk menjadikan projek ini satu kejayaan," katanya.

Lihat muka 3 **ruang 8**

Saya bukan harapkan pujian: Mahathir

● Dari Muka 1

Secara peribadi, kata Perdana Menteri, beliau tidak mengharap pujian atau penghargaan bagi apa yang diaukannya.

"Saya hanya melakukan apa yang saya fikirkan baik selepas berunding dengan rakan-rakan Kabinet saya.

"Tetapi, saya rasa semua pekerja dan pengurus yang banyak menvumbangkan bakti untuk menjadikan Proton Saga sebuah kereta yang baik patut diberi pujian," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara-negara yang kekurangan sumber alam seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura berjaya dalam rancangan perindustrian kerana mereka mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri dan mereka mengiktiraf kerja baik rakyat mereka.

"Malangnya di negara kita, pekerja dicucuk supaya memandang buruk terhadap syarikat dan majikan mereka oleh golongan yang mahu mempolitikkan apa saja dan segala-galanya untuk kepentingan golongan mereka," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, majoriti pekerja tempatan dan pelabur asing bijak membezakan di antara kebenaran dan kepaluan.